



# BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020

Artikel Rasmi MyCensus 2020

Siri 1/2020

*Data Anda Masa Depan Kita*



## Mengapa saya perlu dibenci?

Jangan  
lupa  
tarikh

HARI  
BANCI  
7-7-2020

**M**alaysia telah mengalami pembangunan yang pesat dalam pelbagai bidang, di mana ia membawa kepada impak positif khususnya dalam meningkatkan ekonomi negara, taraf hidup rakyat, mewujudkan peluang pekerjaan dan memangkin polisi baharu bagi memastikan kelestarian negara sentiasa mampan.

Bagi memastikan kemakmuran negara berterusan dan dikecapi oleh segenap lapisan masyarakat, kerajaan memerlukan maklumat dan statistik yang komprehensif bagi perancangan, penggubalan dasar dan pelaksanaan program pembangunan dalam pelbagai bidang sosio-ekonomi. Sehubungan itu, statistik yang diperoleh melalui pelaksanaan **Bancri Penduduk dan Perumahan 2020 (MyCensus 2020)** yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia amat penting dalam memastikan perancangan pembangunan negara dapat dijalankan dengan mengambil kira kepentingan semua komuniti dalam negara.

MyCensus 2020 merupakan banci yang ke-6 dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963 dan kali terakhir diadakan adalah pada tahun 2010. Pelaksanaan banci ini melibatkan semua penduduk di tempat kediaman yang menetap di Malaysia bagi tempoh enam bulan atau lebih dalam tahun 2020 dan tertakluk di bawah peruntukan Akta Banci 1960 (Disemak 1969) bagi memastikan kerahsiaan data dan maklumat individu yang dikumpul.



MyCensus 2020 adalah pembancian bilangan penduduk dan isi rumah berdasarkan pelbagai ciri demografi, sosial dan ekonomi. Banci yang dijalankan bertujuan menyediakan maklumat mengenai jumlah stok tempat kediaman dan kemudahan serta keperluan asas yang diterima oleh penduduk yang menetap di Malaysia. Statistik dan profil penduduk dan perumahan yang komprehensif yang diperoleh akan digunakan oleh penggubal dasar bagi menentukan hala tuju kestabilan demografi dan sosioekonomi penduduk di Malaysia.

Mengapa data MyCensus 2020 amat penting? Data ini dapat membantu kerajaan dalam pengagihan dana awam yang saksama sebagai pembiayaan di peringkat persekutuan dan negeri terutamanya dalam program pendidikan, penjagaan kesihatan, penguatkuasaan undang-undang dan kemudahan prasarana pengangkutan. Pengagihan secara saksama ini dapat dilaksanakan oleh kerajaan berdasarkan data bilangan penduduk yang tepat. Ini kerana, antara maklumat yang dikumpul adalah butiran isi rumah, kemudahan asas, unit perumahan, aktiviti ekonomi dan keperluan bagi orang kurang upaya dan warga emas.

“

Statistik yang diperoleh menerusi MyCensus 2020 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia amat penting dalam memastikan perancangan pembangunan negara dapat dilaksanakan dan memenuhi **kepentingan semua komuniti di seluruh negara.**

”

#MyCensus2020  
**BANCI**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
**MALAYSIA 2020**  
DATA ANDA MASA DEPAN KITA

Apa yang lebih penting ketika ini adalah data Banci 2020 akan digunakan sebagai input untuk memantau dan menilai pencapaian serta kemajuan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang merupakan iltizam dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif di semua peringkat. Marilah kita bersama-sama menyertai Banci 2020 pada 7 Julai 2020 untuk masa depan yang lebih sejahtera!

Data Anda Masa Depan Kita!



Pastikan anda dihitung!